

16/10/2003

SOM syor haram Manpads, laksana Rundingan Doha

Khaidir Abdul Majid; Zainab Mohd Yatim

BANGKOK: Pegawai kanan 21 anggota Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) menumpukan kepada isu memerangi keganasan pada hari terakhir mesyuarat peringkat pegawai kanan (SOM) semalam dengan penekanan bahawa langkah itu tidak harus menjadi halangan kepada perdagangan dan pelaburan di rantau ini.

Mesyuarat dua hari SOM yang diadakan untuk membuat persediaan bagi mesyuarat dua hari peringkat menteri bermula esok dan pemimpin Isnin depan, menerima syor wakil Amerika Syarikat (AS) agar sistem pertahanan udara bergerak atau 'man portable air defence system' (Manpads) diharamkan berikutan ia boleh disalah guna oleh pengganas.

Senjata berkenaan yang boleh dikendalikan oleh seorang individu bahaya kepada ekonomi sesebuah negara, terbukti dalam satu kejadian di Kenya dua tahun lalu, kata Setiausaha Tetap Kementerian Luar Thailand, Sihasak Phuanketkeaw, pada sidang media di akhir mesyuarat SOM di sini.

Manpads seperti Stingers buatan AS, SA-7 buatan Russia dan versi lain buatan China serta negara lain, dikhuatiri mudah didapati di pasaran. Ia adalah senjata pilihan pengganas bagi mensasarkan pesawat tentera dan sivil.

Mesyuarat SOM bersetuju membawa isu itu untuk perbincangan di peringkat menteri dan pemimpin.

Selain itu, SOM juga bersetuju supaya pemimpin Apec memberi isyarat jelas kepada dunia bahawa Rundingan Doha Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) perlu mencapai kejayaan.

Bagaimanapun, pegawai kanan Apec dikatakan gagal mencapai kata sepakat mengenai ketegasan kenyataan yang akan dikeluarkan mengenai rundingan perdagangan WTO itu.

China, yang menyertai WTO, dilaporkan mahu Apec menetapkan tarikh tertentu bagi permulaan semula rundingan WTO selepas menemui jalan buntu di Cancun, Mexico apabila kebanyakan negara membangun membantah tindakan negara maju memasukkan isu baru dalam rundingan itu.

Pandangan Apec mengenai perdagangan dunia dapat menarik perhatian WTO kerana apec secara kumpulan mewakili 47 peratus daripada perdagangan dunia.

Mesyuarat itu juga bersetuju dengan cadangan Thailand, Amerika Syarikat dan Taiwan untuk menubuhkan mekanisma dalam lingkungan tugas pegawai tetap bagi mengelak merebaknya penyakit berjangkit seperti Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).

Mekanisme itu diberi tempoh dua tahun untuk menyelaras tindakan pegawai kesihatan yang bertanggungjawab membantu rantau Apec bagi bersiap sedia menghadapi wabak penyakit seperti SARS yang dikenalpasti memberi kesan ekonomi kepada rantau berkenaan.

SOM juga berbincang mengenai cadangan daripada Jepun untuk melaksanakan reformasi struktural dalam kawasan keanggotaan Apec. Sehubungan itu juga, mesyuarat menggesa Tokyo untuk mengeluarkan pelan tindakan terhadap cadangan berkenaan tahun depan.

SOM juga bersetuju Sekretariat Apec menyediakan dan mengeluarkan kepada umum rancangan tindakan persendirian 14 negara termasuk Malaysia, Australia, Brunei, Chile, China, Hong Kong, Jepun, Korea, Mexico, Peru, Filipina, Russia, Singapura dan Taiwan.

Thailand pula mencadangkan supaya anggota Apec untuk melaksanakan reformasi di dalam rantau keanggotaan bagi meliberalisasikan perdagangan.

Cadangan SOM akan dikemukakan kepada Mesyuarat Peringkat Menteri (AMM) Apec dan mesyuarat pemimpin. Delegasi Malaysia pada SOM diketuai oleh pengarah Bahagian Apec Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), J Jayasiri.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz yang tiba di sini, semalam akan mengetuai delegasi 18 anggota Malaysia ke mesyuarat dua hari peringkat menteri (AMM) bermula esok. Rombongan Malaysia mengandungi pegawai Miti, Kementerian Luar, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia.

Rafidah akan mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke mesyuarat tahunan tidak rasmi pemimpin-pemimpin ekonomi Apec.